

Penduduk Pulau Pinang perlu bijak guna air

Mac 24, 2019



Foto : FB Chow Kon Yeowss

PULAU PINANG - Penduduk Pulau Pinang diminta untuk berjimat cermat dan mengurangkan penggunaan air

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, salah satu empangan di negeri ini iaitu Empangan Air Itam mencatat penurunan kapasiti daripada 92.2 peratus pada Januari lalu kepada 49.1 peratus jumaat lalu, iaitu penurunan sebanyak 43.1 peratus, dalam tempoh 81 hari.

Katanya, penurunan itu berpandukan rekod penggunaan air yang tinggi di kawasan empangan antaranya di Air itam dan Lembah Paya Terubong.

Sehubungan itu penduduk di Pulau Pinang diminta untuk lebih bijak dan menghadkan penggunaan air walaupun simpanan air mentah masih lagi mencukupi untuk tempoh 48 hari.